

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit di Poliklinik Sibul pada tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan sama ada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan lebih banyak poliklinik di Sibul memandangkan Hospital dan Poliklinik yang sedia ada terlalu sesak serta sasaran waktu menunggu 90 minit tidak dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Bahagian Sibul, Sarawak mempunyai lima belas (15) klinik kesihatan, satu (1) Klinik Ibu dan Anak, satu (1) Klinik Desa dan sembilan (9) Klinik 1Malaysia (K1M). Jumlah kedatangan pesakit ke klinik kesihatan di Sibul pada tahun 2013 adalah seramai 375,559 orang, 326,987 orang pada tahun 2014, 363,974 orang pada tahun 2015 dan 429,927

orang pada tahun 2016. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menambah perkhidmatan kesihatan di Sibu pada tahun 2016 iaitu pembukaan Klinik Kesihatan Sibu Jaya Jenis 3, K1M UTC Sibu dan K1M Rantau Panjang. KKM juga dari masa ke semasa menyediakan alternatif dan mengambil langkah yang sewajarnya bagi mengatasi masalah kesesakan yang berlaku di klinik-klinik kesihatan. Antara langkah-langkah yang diambil adalah :

- i. Bagi meningkatkan prestasi perkhidmatan dan mengurangkan masa menunggu, *blocked appointment system* dilaksanakan di mana setiap pesakit diberi tarikh dan masa temujanji yang tertentu bagi memastikan tidak terlalu ramai pesakit datang serentak ke klinik pada masa yang sama;
- ii. Mengadakan *extended hours* bagi klinik yang mempunyai kedatangan harian yang tinggi seperti Klinik Kesihatan Lanang. Tambahan masa perkhidmatan adalah dari jam 5 petang hingga 9.30 malam; dan
- iii. Menambah bilangan pegawai perubatan di klinik-klinik kesihatan yang mempunyai kedatangan yang tinggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

SOALAN : 451

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam mengurangkan beban rakyat semasa musim perayaan Tahun Baru Cina yang selalunya terpaksa membeli harga tiket penerbangan yang sangat tinggi dan sama ada Kerajaan dapat menetapkan harga siling/harga maksimum bagi tiket penerbangan terutama bagi penerbangan Sibul-Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur-Sibu.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan tambang domestik oleh syarikat-syarikat penerbangan negara adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Dalam hal ini, Kerajaan memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian (*network coverage*), kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran. Syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang penerbangannya dengan mengambil kira faktor-faktor di atas, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi.

Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission - MAVCOM*) pada 1 Mac 2016 dengan fungsi utama sebagai pengawal selia aspek ekonomi sektor penerbangan awam. Berdasarkan kepada Seksyen 17 Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 (Akta 771), salah satu fungsi MAVCOM adalah untuk menggalakkan persaingan yang berkesan dalam industri penerbangan awam dengan menyediakan suatu persekitaran ekonomi yang membolehkan syarikat penerbangan Malaysia mengekalkan keupayaan mereka untuk bersaing dengan berkesan dalam pasaran penerbangan awam melalui cara yang menguntungkan, cekap, adil dan mampan.

Namun demikian, MAVCOM secara amnya tidak menetapkan sebarang peraturan berhubung penetapan harga tambang

penerbangan dan membenarkan syarikat-syarikat penerbangan untuk menetapkan harga tambang berdasarkan keputusan komersial mereka masing-masing. MAVCOM mempunyai kuasa untuk mengawalselia perkara yang berkaitan dengan persaingan di kalangan syarikat penerbangan.

Sehingga kini, harga yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat penerbangan adalah harga yang kompetitif.